

Latihan Penulisan Kreatif

Rencana & Berita
26 Jun 2024

Oleh: Puan Maryam Elyas

Maryam Elyas



- Pengurus Kanan Kandungan Strategik, Modachi Sdn. Bhd.
- Panel Pakar *Creative Content Development Level 4 & 5* Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
- Pengalaman wartawan majalah dan akhbar lebih 16 tahun (Mac 2004 – Januari 2021)
- Penerima Anugerah Penulis Rencana Terbaik (Bahasa Melayu) pada 2007 pada Malam Anugerah Kewartawanan untuk rencana bertajuk Tangan Yang di Bawah.
- Penulis Upahan sepenuh masa (Januari 2021 – Januari 2023)
- Penceramah bertauliah oleh HRD Corp dan pembina modul *Creative Content Development Level 4&5*, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Objektif

Selepas mempelajari modul asas ini, peserta mampu memahami corak penulisan rencana dan berita untuk menjadikan penulisan masing-masing lebih kreatif dan ada fokus.

ISI KANDUNGAN

1	Definisi rencana dan berita
2	6 kriteria rencana yang menarik
3	Penulisan rencana
4	Penulisan berita
5	Kesimpulan

SOALAN

Siapa di sini yang tugas utamanya adalah menulis?

Definisi

Kamus Bahasa Melayu

berita berita

[be.ri.ta] | بریتا

Definisi : 1. maklumat mengenai sesuatu kejadian (peristiwa, diri sendiri, dll) yg disampaikan (sama ada secara lisan atau dgn surat dsb), khabar, warta: semenjak itu tidak pernah saya lihat wajah suami saya, malah mendengar ~nya pun tidak pernah; 2. siaran atau penyampaian berita (melalui televisyen atau radio); ~ acara laporan berkenaan sesuatu perkara; ~ angin khabar yg belum pasti, desas-desus; ~ kawat berita yg diterima melalui kawat (telegram); ~ negara majalah kerajaan yg rasmi; ~ perdana berita yg disiarkan pd waktu siaran yg dianggap terpenting (kerana ramai dijangka mendengar radio atau menonton televisyen pd waktu itu); ~ sepekan majalah mingguan; berberita sl mengkhabarkan, memberitahukan: setelah Sultan Abdul Jamal mendengar titah Laksamana itu, maka titah baginda: "Siapa yg ~ ke Melaka?"; memberitakan mengkhabarkan, melaporkan, memberitahukan: Jepun ~ bahawa kapalnya itu sudah tenggelam; pemberitaan 1. perihal mengkhabarkan: kami pelajari cara-cara ~ akhbar itu; 2. maklumat, laporan, siaran: kami berterima kasih atas ~mu; 3. ark laporan mengenai sesuatu perkara; pemberita orang yg memberitakan, juruberita, juruwarta: Perdana Menteri berkata demikian ketika ditemui oleh ~~~ akhbar. **(Kamus Dewan Edisi Keempat)**

Maklumat Kata


Kamus Bahasa Melayu

rencana rencana

[ren.ca.na] | رنجان

Definisi : 1 karangan lengkap yg disiarkan dlm surat khabar atau majalah; makalah: Ia selalu menulis ~ utk majalah Dewan Bahasa. 2 rangka bkn sesuatu yg akan dilakukan; jadual; rancangan: Kami selamat sampai di puncak bukit itu menurut ~ yg sudah diatur. 3 apa-apa yg dibaca atau yg diucapkan supaya ditulis oleh orang lain: Sesudah membaca, mereka membuat ~ pula. berencana ada rencananya; dgn rencana; berancang. merencanakan 1 menulis rencana atau cerita; menulis makalah: Abdullah telah ~ hal-hal kebodohan orang Melayu dlm bukunya. 2 menyusun atau membuat sesuatu rancangan; menjadualkan; merancang: Ia meminta saya ~ satu projek perumahan. 3 mengucapkan sesuatu supaya ditulis oleh orang lain. **(Kamus Pelajar Edisi Kedua)**

KRITERIA RENCANA YANG MENARIK



Sharing yang berfaedah

Maksudnya, apa yang kita tulis itu boleh bantu seseorang tambah ilmu dan ubah hidup mereka kepada sesuatu yang lebih baik.

A graphic consisting of a piece of orange paper with a jagged tear. The tear reveals a light blue background underneath. The text 'Focus on Creating Value.' is written in a black, typewriter-style font across the blue background.


Focus on Creating Value.

Beretika (jangan ciplak)

Penulis kena ada kredibiliti.



Kreatif



Gambar, quote, kisah realiti,
bukan rekaan, kena ada fakta

Contoh: naratif + dialog /
naratif + quote / teknik
imbas kembali (flashback)



Kreatif

naratif →

Nafkah dari segi bahasa mengeluarkan, iaitu pembiayaan belanja seseorang terhadap ahli keluarganya. Manakala dari segi syarak ialah makanan, pakaian, tempat tinggal dan selainnya. Ia di namakan *Nafaqah* kerana dikeluarkan atau digunakan untuk keperluan itu. (Lihat: *Hasyiyah al-Bajuri ala Ibn Qasim* Halabi Fatoni, 2/185, *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie*, 4/274)

Kami mulakan dengan firman Allah SWT:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنْعِمَ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

qoute / petikan →

Maksudnya: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

Surah al-Baqarah (233)

Kurang kesilapan

e r r o r

Tatabahasa

Kesilapan pada kata sendi dan imbuhan [di]

Contoh:

Datuk Abdullah bin Abu turut hadir di dalam majlis tersebut.

Informasi

Kesilapan juga berlaku dalam informasi:

>> Contoh informasi nama tempat.


>> Penerangan kronologi.

> Ejaan nama orang popular

> Pangkat (Dato'/Datuk/Datuk Seri/Dato' Seri)

Buat orang rasa nak *share*

**Apa yang selalu buat
kita rasa nak share satu
konten?**



Guna ayat pendek-pendek

Jangan suka sangat guna ayat panjang. Pendekkan ayat kita supaya orang mudah faham.

Contoh:

Pembangunan di pekan Parit Sulong, Batu Pahat, Johor sudah semakin maju dengan adanya infrastruktur lebih baik misalnya pembukaan cawangan bank utama seperti Maybank dan CIMB, kedai dengan kemudahan pembayaran secara kad debit dan kad kredit, lebih banyak kedai digital dibuka serta liputan internet yang lebih meluas yang menjadikan penduduk lebih selesa untuk membuat urusan rutin mereka melalui kaedah terkehadapan.

Pecahkan kepada beberapa ayat:

- 1) Pembangunan di pekan Parit Sulong, Batu Pahat, Johor sudah semakin maju dengan adanya infrastruktur lebih baik.
- 2) Hal ini dapat dilihat dengan adanya pembukaan cawangan bank utama seperti Maybank dan CIMB.
- 3) Turut diadakan adalah kedai dengan kemudahan pembayaran secara kad debit dan kad kredit, lebih banyak kedai digital dibuka serta liputan internet yang lebih meluas.
- 4) Penduduk Parit Sulong jadi lebih selesa untuk membuat urusan rutin mereka melalui kaedah terkehadapan.

PENULISAN RENCANA

5 LANGKAH TULIS RENCANA

1

Target
pembaca

2

Tajuk

3

Intro

4

Konten

5

Penutup

LANGKAH 1 Tetapkan Target

- 1** Sebelum menulis, kita kena tetapkan target.
- 2** Kenal pasti kelompok yang hendak kita tujukan rencana tu.
- 3** Kita menulis rencana itu hendak ditujukan kepada siapa?
- 4** Kenapa kena jelas siapa target pembaca kita?
> Supaya kita FOKUS. Apabila fokus, kita senang untuk menulis konten rencana itu.
- 5** Caranya, bayangkan sasaran pembaca itu ada di depan kita. Bayangkan kita bercakap dengan dia.

Target Pembaca

Tip pilih target

- > Pilih satu kelompok sahaja.
- > Elak tulis secara rambang untuk semua orang.
- > Dalam tajuk atau intro letak terus target kita.



LANGKAH 2 **Tajuk**

3 kriteria tajuk yang berkesan

- 1 Tajuk kena jelas targetnya.
- 2 Ayat jangan terlalu panjang (7 -15 patah perkataan)
- 3 Elak imbuhan kecuali betul-betul perlu.



LANGKAH 2 **Tajuk**

Contoh tajuk rencana dalam website Alumni UPM

Senarai Artikel

Pusat Perhubungan Alumni Universiti Putra Malaysia Komited dalam Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



Senarai Artikel

SUMBANGAN ALUMNI DEMI KELANGSUNGAN PELAJAR, MEMBAWA MAKNA YANG AMAT MENDALAM




LANGKAH 2 **Tajuk**

Penambahbaikan tajuk rencana



Target



Kakitangan Pusat Perhubungan Alumni UPM Komited dengan Pelaksanaan EKSA

LATIHAN Apa TAJUK lebih sesuai?

SITUASI EVENT:

- ARCUPM dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) buka peluang kepada alumni untuk bersedekah.
- Binaree Cafe taja 10 pelajar makan percuma sepanjang pengajian sesi 2022/2023.
- Yayasan Kebajikan Suria menyumbang 16 peranti mudah alih kepada pelajar yang berkeperluan untuk tujuan pembelajaran.
- Slogan 'daripada alumni kepada UPM'
- Sasaran RM1.4 juta untuk bina Menara Jam Warisan Budi di hadapan Dewan UPM.
- Menara ini bakal menjadi 'one stop center' untuk para pelajar berkumpul dan menjadi tempat ikonik mengabadikan foto kenang-kenangan di UPM



LATIHAN: Apa TAJUK lebih sesuai?

Senarai Artikel

SUMBANGAN ALUMNI DEMI KELANGSUNGAN PELAJAR, MEMBAWA MAKNA YANG AMAT MENDALAM



- 1 Binaree Cafe dan Yayasan Kebajikan Suria, Taja Pelajar Memerlukan Demi Kelangsungan Pembelajaran
- 2 Binaree Cafe dan Yayasan Kebajikan Suria, Taja Makan dan Peranti Mudah Alih Kepada Pelajar Miskin

LANGKAH 3

Intro

- > Intro mainkan peranan **SANGAT** penting.
- > Intro menggambarkan **apa pembaca bakal dapat** selepas membaca keseluruhan rencana.
- > Gagal menulis intro dengan baik, rencana pun boleh jadi gagal.

Apa perlu ada dalam intro?

S --> subjek

T --> target

M --> masalah

Subjek = topik kita pasal apa

Target = siapa sasaran pembaca

Masalah = apa kaitan topik dengan sasaran pembaca

LANGKAH 3

Intro


SIFIR INTRO

S --> subjek = topik kita mengenai apa?

T --> target = siapa sasaran pembaca kita?

M --> masalah = apa kaitan topik dengan target

SIFIR INTRO



LANGKAH 3 **Intro**



Sebelum menulis intro, senaraikan dahulu apa **subjek, target** dan **masalah** yang nak diceritakan.

LANGKAH 3 Intro

Senarai Artikel

Pusat Perhubungan Alumni Universiti Putra Malaysia Komited dalam Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Ekosistem Kondusif Sektor Awam ataupun singkatannya EKSA, merupakan satu usaha untuk memperkasakan perkhidmatan sektor awam di negara ini oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

EKSA mula diperkenalkan sejak 2014, adalah kesinambungan dan penjenamaan semula daripada Amalan 5S Sektor Awam yang dalam usaha untuk mengetengahkan persekitaran dan budaya kerja yang lebih kondusif dan relevan dengan kemajuan dan pembangunan sektor awam di Malaysia.


S --> EKSA

T --> Kakitangan Pusat Perhubungan Alumni UPM

M --> EKSA bukan gantikan 5S

m/s 74

PROWRITER



LANGKAH 3 Intro

Senarai Artikel

Pusat Perhubungan Alumni Universiti Putra Malaysia Komited dalam Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Ekosistem Kondusif Sektor Awam ataupun singkatannya EKSA, merupakan satu usaha untuk memperkasakan perkhidmatan sektor awam di negara ini oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

EKSA mula diperkenalkan sejak 2014, adalah kesinambungan dan penjenamaan semula daripada Amalan 5S Sektor Awam yang dalam usaha untuk mengetengahkan persekitaran dan budaya kerja yang lebih kondusif dan relevan dengan kemajuan dan pembangunan sektor awam di Malaysia.

S --> EKSA

T --> Penjawat awam

M --> EKSA bukan gantikan 5S

Target

Kakitangan Pusat Perhubungan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) disaran supaya komited dengan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Paling utama adalah kakitangan memahami bahawa EKSA bukan menggantikan Amalan 5S sebaliknya bertujuan memantapkan amalan tersebut.

Subjek

Masalah

LATIHAN: Apa INTRO lebih sesuai?

Dari Abu Hurairah RA, Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, "Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia maka terputuslah amalnya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak soleh yang mendoakan untuknya,"

Sedekah mempunyai kuasa magnet rezeki yang telah disahkan dalam sabda Rasulullah SAW. Jangan takut untuk bersedekah, menderma dan membantu mereka yang memerlukan bantuan dengan andaian harta mahupun rezeki kita akan menjadi sedikit dan sebagainya. Sebaliknya, kuasa magnet daripada sedekah dan sikap prihatin dengan nasib mereka yang memerlukan adalah formula terbaik untuk menjemput rezeki yang banyak dan luas.

Pusat Perhubungan Alumni, Persatuan Alumni dan juga Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Universiti Putra Malaysia sentiasa mencari peluang dan membuka peluang keada para alumni, individu mahupun badan-badan korporat untuk sama-sama berkongsi rezeki bersama para pelajar UPM yang memerlukan bantuan.

S --> ?

T --> ?

M --> ?

SUMBANGAN ALUMNI DEMI KELANGSUNGAN PELAJAR, MEMBAWA MAKNA YANG AMAT MENDALAM

Senarai Artikel



LATIHAN: Apa INTRO lebih sesuai?

SUMBANGAN ALUMNI DEMI KELANGSUNGAN PELAJAR, MEMBAWA MAKNA YANG AMAT MENDALAM

Senarai Artikel



S --> Sumbangan

T --> Alumni

M --> Masih ramai pelajar UPM perlukan bantuan

Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) sememangnya prihatin terhadap keperluan pelajar universiti ini. Atas sebab itu, banyak sumbangan disalurkan oleh pihak alumni kerana masih ramai pelajar yang memerlukan bantuan. Boleh dikatakan sumbangan ini ibarat 'duit poket' lambang kasih sayang daripada kakak dan abang kepada adik-adiknya yang masih menuntut ilmu di menara gading.

LANGKAH 4

Konten

Secara *basic*, konten ada 3 bahagian:

- 1) Isi
- 2) Huraian
- 3) Contoh

Kalau konten jenis tip atau panduan, boleh kreatifkan dengan cara:

- 1) Buat dalam bentuk *numbering*.
- 2) Bahagikan dalam tajuk kecil.

Walaupun menulis isu-isu rasmi, kena ada kreativiti supaya penulisan lebih menarik untuk dibaca.



Ekosistem Kondusif Sektor Awam ataupun singkatannya EKSA, merupakan satu usaha untuk memperkasakan perkhidmatan sektor awam di negara ini oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

EKSA mula diperkenalkan sejak 2014, adalah kesinambungan dan penjenamaan semula daripada Amalan 5S Sektor Awam yang dalam usaha untuk mengetengahkan persekitaran dan budaya kerja yang lebih kondusif dan relevan dengan kemajuan dan pembangunan sektor awam di Malaysia.

Inisiatif yang diperkenalkan oleh MAMPU ini merupakan satu penambahbaikan dalam pelaksanaan Amalan 5S dan langkah ini adalah selaras dengan usaha untuk memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi sektor awam yang akan menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam.

Perlu difahami juga EKSA bukanlah untuk menggantikan Amalan 5S yang diamalkan sebelum ini tetapi EKSA adalah untuk memantapkan Amalan 5S dengan penekanan kepada persekitaran yang kondusif dan semangat kerja berpasukan yang membawa imej korporat dan profesionalisme. Penjenamaan ini juga melibatkan kaedah pengauditan yang digunakan kerana konsep sebelum ini iaitu 'one size fits all' dilihat kurang tepat untuk memenuhi keperluan ke semua agensi kerajaan.

Secara khususnya, penjenamaan semula ini telah menyuntik semangat kerja berpasukan dalam usaha mengetengahkan imej sektor awam yang lebih mementingkan profesionalisme dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menterjemahkan ia kepada objektif iaitu;

- Meningkatkan imej korporat
- Menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi
- Menggalakkan aktiviti pembudayaan amalan kelestarian hijau
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif
- Meningkatkan semangat berpasukan
- Memupuk sikap bertanggungjawab
- Mengamalkan penambahbaikan secara berterusan

Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pernyataan komitmennya ada menyebut bahawa "Kami pekerja UPM komited mengamalkan budaya organisasi berprestasi tinggi melalui penyediaan persekitaran kerja yang kondusif serta budaya kerja berinovatif dan kreatif dengan berteraskan amalan hijau".

Penyataan komitmen ini dilihat sejajar dengan kedudukan UPM yang telah diletakkan dalam kedudukan terbaik di Malaysia dalam UI Green Metric dan seiring dengan Aspirasi Naib Canselor 2022 iaitu aspirasi ketujuh iaitu mengekalkan reputasi UPM sebagai Universiti paling lestari. Dengan misi melaksanakan tugas dengan cekap, berkesan dan lebih produktif, mewujudkan budaya kerja dan urus tadbir terbaik dan membina budaya dan nilai kerjasama yang cemerlang, UPM antara universiti awam di Malaysia yang memperkasakan EKSA dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan dengan persekitaran tempat kerja yang kondusif.

Menyatakan komitmen yang tinggi menerusi visi dan misi, Pusat Tanggungjawab (PTJ), Pusat Perhubungan Alumni UPM (ARCUPM) begitu komited dengan pengamalan EKSA apabila bermula Februari 2022, sepak mula EKSA telah dilancarkan untuk menghidupkan budaya EKSA di ARCUPM. Dengan moto "Persekitaran Kondusif Pencetus Transformasi Kerja Berkualiti" di peringkat UPM, EKSA merupakan salah satu daripada kriteria penilaian penarafan bintang bagi sesebuah PTJ.

Pelaksanaan EKSA di PTJ UPM pula melibatkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan yang berterusan. Kejayaan amalan ini adalah bergantung kepada penglibatan pihak pengurusan atasan sebagai pendorong serta kerjasama dan komitmen semua warga organisasi.

Di PTJ ARCUPM, Ybhg. Prof Madya Dr. Arba'ie Sujud Pengarah ARCUPM merangkap Penaung EKSA ARCUPM menekankan penerapan imej korporat dengan mengutamakan suasana persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas, selamat serta sistematik akan meningkatkan lagi visibiliti dan imej ARCUPM. Jika di ARCUPM pelanggannya daripada para alumni UPM yang kini mencecah angka 136,989 orang dengan pelbagai latar belakang pendidikan dan kerjaya, penerapan imej korporat dilihat sangat penting dan bertepatan.

Selain itu, melalui amalan EKSA peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan juga dapat dipertingkatkan dengan pengendalian urusan di kaunter misalnya lebih pantas, cepat dan selamat. Pelanggan terutamanya alumni akan berpuas hati apabila diberi layanan yang cepat serta mesra pelanggan yang pastinya hubungan ini akan terjalin secara berterusan kerana kualiti perkhidmatan yang diberikan memenuhi kehendak pelanggan.

Pemantapan amalan EKSA di ARCUPM terus disemarakkan apabila kempen pengamalan pembudayaan EKSA di ARCUPM secara menyeluruh dilancarkan oleh Fasilitator EKSA ARCUPM, Nik Hafzaini Nik Hassan yang dibantu oleh Penyelaras EKSA ARCUPM Mohd Sahrizan Mat Yatim.

Setiap komponen yang digariskan dalam Buku Garis Panduan EKSA Siri 2, 2022 perlu dipatuhi oleh setiap staf yang merangkumi pengauditan seperti Keperluan Utama Pelaksanaan, Ruang Tempat Kerja/Pejabat, Tempat Umum, Keselamatan Persekitaran, Kawasan Persekitaran Pejabat dan juga tempat-tempat khusus(sesuai mengikut keperluan agensi).

Pembudayaan EKSA di ARCUPM terus diperkemas dengan penubuhan Jawatankuasa Utama EKSA iaitu Jawatankuasa Promosi, Jawatankuasa Latihan dan juga Jawatankuasa Audit. Kesemua Jawatankuasa ini mempunyai skop tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam terus mengukuhkan pembudayaan, pengamalan dan seterusnya pemantapan EKSA di ARCUPM. EKSA di ARCUPM bukan sahaja membawa maksud Ekosistem Kondusif Sektor Awam tetapi bagi ARCUPM EKSA turut diterjemahkan sebagai Eratkan Kerjasama Sesama Alumni.

Secara umumnya, EKSA dilihat bukan sahaja platform untuk memperkasa sektor awam semata-mata tetapi pembudayaan EKSA turut dapat memupuk nilai murni, kesepakatan dan keseragaman dalam budaya kerja. Justeru dalam pada kita membawa satu imej korporat yang tinggi, amalan EKSA juga menjamin mutu kerja yang berkualiti.

Jenis Konten

```
graph TD; A((Jenis Konten)) --> B(Awareness/Info); A --> C(Storytelling); A --> D(Katalog); A --> E(Hiburan);
```

Awareness/Info

Rencana yang mendidik, menegaskan sesuatu idea, memberi informasi

Storytelling

Konsep bercerita. Selalunya mengenai kisah seseorang.

Menjual

Rencana yang objektifnya menjual. Lebih kepada sales letter. Ada yang menggabungkan dengan teknik storytelling

Katalog

Rencana yang objektifnya memaparkan produk, kelebihan, ciri-ciri dan harga produk.


Hiburan

Selebriti, resipi, life hack, gaming, filem, lagu.

LANGKAH 4


Konten

Isi




Apa point yang nak diceritakan?

Huraian



Huraikan point secara terperinci.

Contoh



Berikan contoh supaya pembaca lebih jelas.


LANGKAH 4

Konten

EKSA mula diperkenalkan sejak 2014, adalah kesinambungan dan penjenamaan semula daripada Amalan 5S Sektor Awam yang dalam usaha untuk mengetengahkan persekitaran dan budaya kerja yang lebih kondusif dan relevan dengan kemajuan dan pembangunan sektor awam di Malaysia.


Inisiatif yang diperkenalkan oleh MAMPU ini merupakan satu penambahbaikan dalam pelaksanaan Amalan 5S dan langkah ini adalah selaras dengan usaha untuk memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi sektor awam yang akan menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam.

Isi




Tahun diperkenalkan 2014,

Huraian



kesinambungan Amalan 5S, MAMPU

Contoh



Kemas kini fail / dokumentasi

LANGKAH 4 Konten

EKSA mula diperkenalkan sejak 2014, adalah kesinambungan dan penjenamaan semula daripada Amalan 5S Sektor Awam yang dalam usaha untuk menyetengahkan persekitaran dan budaya kerja yang lebih kondusif dan relevan dengan kemajuan dan pembangunan sektor awam di Malaysia.

Inisiatif yang diperkenalkan oleh MAMPU ini merupakan satu penambahbaikan dalam pelaksanaan Amalan 5S dan langkah ini adalah selaras dengan usaha untuk memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi sektor awam yang akan menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam.

EKSA mula diperkenalkan pada 2014. Ini adalah kesinambungan daripada Amalan 5S iaitu Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal. Objektifnya adalah mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang lebih kondusif dan relevan dengan kemajuan dan pembangunan sektor awam di Malaysia.

Melalui inisiatif yang dibawakan oleh MAMPU, diharapkan seluruh kakitangan Pusat Perhubungan Alumni UPM lebih berdaya saing untuk merealisasikan objektif EKSA. Contohnya, sentiasa mengemas kini fail berkaitan tugas supaya lebih sistematik dan mudah dicari ketika hendak menggunakan dokumen berkaitan. Hal ini menjadikan budaya kerja lebih praktikal dan dan mengukuhkan prestasi seseorang pekerja.

LANGKAH 4 Konten

Perlu difahami juga EKSA bukanlah untuk menggantikan Amalan 5S yang diamalkan sebelum ini tetapi EKSA adalah untuk memantapkan Amalan 5S dengan penekanan kepada persekitaran yang kondusif dan semangat kerja berpasukan yang membawa imej korporat dan profesionalisme. Penjenamaan ini juga melibatkan kaedah pengauditan yang digunakan kerana konsep sebelum ini iaitu 'one size fits all' dilihat kurang tepat untuk memenuhi keperluan ke semua agensi kerajaan.

Penjenamaan Amalan 5S kepada EKSA dilihat mampu meningkatkan persekitaran kerja ke arah lebih kondusif. Malah turut menambah baik kerja berpasukan demi menyerlahkan imej korporat dan profesionalisme setiap kakitangan.

Imej korporat dan profesionalisme boleh dilihat melalui kesepakatan dalam kerja berpasukan, sahsiah rupa diri dan penambahbaikan secara berterusan. Contohnya, setiap individu dalam organisasi Pusat Perhubungan Alumni UPM ini mampu bekerjasama dengan baik secara berpasukan. Hal ini amat bagus untuk meningkatkan produktiviti dan mencapai objektif ESKA ini sendiri.

LANGKAH 4 Konten

Secara khususnya, penjenamaan semula ini telah menyuntik semangat kerja berpasukan dalam usaha mengetengahkan imej sektor awam yang lebih mementingkan profesionalisme dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menterjemahkan ia kepada objektif iaitu;

- Meningkatkan imej korporat
- Menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi
- Menggalakkan aktiviti pembudayaan amalan kelestarian hijau
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif
- Meningkatkan semangat berpasukan
- Memupuk sikap bertanggungjawab
- Mengamalkan penambahbaikan secara berterusan

Secara khususnya, penjenamaan semula Amalan 5S kepada EKSA boleh menyuntik semangat kerja berpasukan dalam usaha mengetengahkan imej sektor awam yang lebih mementingkan profesionalisme. UPM secara umumnya dan Unit Perhubungan Alumni secara amnya telah menterjemahkan perkara ini kepada objektif iaitu;

- Meningkatkan imej korporat
- Menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi
- Menggalakkan aktiviti pembudayaan amalan kelestarian hijau
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif
- Meningkatkan semangat berpasukan
- Memupuk sikap bertanggungjawab
- Mengamalkan penambahbaikan secara berterusan

LANGKAH 4 Konten – penambahbaikan

- 1) Masukkan quote – dapatkan kata-kata individu berkelayakan untuk bercakap mengenai topik yang ditulis.
- 2) Tujuannya untuk mengukuhkan lagi fakta yang ditulis.

LANGKAH 5 Penutup

- >> Penutup adalah rumusan keseluruhan artikel.
- >> Sifat penutup adalah menyokong tajuk yang kita buat.
- >> Maksudnya kita mengiakan tajuk kita.



LANGKAH 5 Penutup

Kita boleh mulakan penutup dengan:

- 1) Kesimpulannya...
- 2) Sebagai penutup....
- 3) Akhir kata....
- 4) Justeru....

KELEMAHAN PENUTUP

- Penutup asal ada.
- Terlalu pendek sehingga tidak menyokong tajuk.
- Semak tajuk kembali sebelum menulis penutup.



LANGKAH 5 Penutup

Pusat Perhubungan Alumni Universiti Putra Malaysia Komited dalam Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Pembudayaan EKSA di ARCUPM terus diperkembangkan dengan penubuhan Jawatankuasa Utama EKSA iaitu Jawatankuasa Promosi, Jawatankuasa Latihan dan juga Jawatankuasa Audit. Kesemua Jawatankuasa ini mempunyai skop tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam terus mengukuhkan pembudayaan, pengamalan dan seterusnya pementapan EKSA di ARCUPM. EKSA di ARCUPM bukan sahaja membawa maksud Ekosistem Kondusif Sektor Awam tetapi bagi ARCUPM EKSA turut diterjemahkan sebagai Eratkan Kerjasama Sesama Alumni.

Secara umumnya, EKSA dilihat bukan sahaja platform untuk memperkasa sektor awam semata-mata tetapi pembudayaan EKSA turut dapat memupuk nilai murni, kesepakatan dan keseragaman dalam budaya kerja. Justeru dalam pada kita membawa satu imej korporat yang tinggi, amalan EKSA juga menjamin mutu kerja yang berkualiti.

Kakitangan Pusat Perhubungan Alumni UPM menyahut baik pelaksanaan EKSA dan komited untuk memberikan kerjasama cemerlang bagi mencapai objektif. Secara umumnya, EKSA dilihat bukan sahaja platform untuk memperkasa sektor awam semata-mata tetapi pembudayaan EKSA turut dapat memupuk nilai murni, kesepakatan dan keseragaman dalam budaya kerja. Justeru dalam pada kita membawa satu imej korporat yang tinggi, amalan EKSA juga menjamin mutu kerja yang berkualiti.

Huraian ekstra

APA ITU HURAIAN EKSTRA?

- > Sebagai menyokong isi dan huraian yang anda berikan tadi.
- > Supaya pembaca mendapat lebih banyak informasi daripada rencana anda.

APAKAH HURAIAN EKSTRA YANG BERMANFAAT?

- >> Informasi mengenai Amalan 5S
- >> Jumlah kakitangan Pusat Perhubungan Alumni UPM

PENULISAN BERITA

Tajuk Contoh tajuk berita

KERAJAAN AKAN KAJI SEMULA PARAS KEMISKINAN DI MALAYSIA



Kerajaan akan menyemak semula kadar kemiskinan di Malaysia kerana paras garis kemiskinan sekarang iaitu RM960 sebulan bagi isi rumah yang ditetapkan mengikut metodologi tahun 2005 sudah tidak relevan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed pada sidang akhbar di Putrajaya semalam berkata, paras garis kemiskinan baharu itu yang dikira berdasarkan metodologi 2019 akan dimulakan dalam masa terdekat.

Mustapa berkata, Jabatan Perangkaan telah menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas bermula Januari hingga November 2019 bagi mendapatkan angka sebenar mengenai kemiskinan dalam negara.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebelum ini mendakwa kadar kemiskinan Malaysia sebanyak 0.4 peratus pada 2016 adalah tidak realistik kerana meletakkan penanda aras yang



MADLINE AHMAD AZRIN HOO KE PING

Kemiskinan meningkat selagi pandemik

Kuala Lumpur: Jumlah ketua isi rumah yang berada di bawah paras kemiskinan di sekitar ibu kota ini, akan terus meningkat selagi pandemik COVID-19 tidak berakhir.

Presiden Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia, Prof Dr Laily Paim, berkata keluarga penduduk sedia ada dalam golongan B40, juga mungkin terjatuh dalam golongan miskin berikutan hilang pendapatan dan pekerjaan.

"Kenyataan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, bahawa 30,000 ketua isi rumah berada dalam kemiskinan itu membabitkan penghuni projek perumahan rakyat (PPR) memang benar kerana ia berdasarkan corak pekerjaan mereka.

"Justeru, golongan yang terjejas juga perlu memikirkan inisiatif untuk menambah pendapatan mereka, selain mengharapkan bantuan daripada kerajaan.

"Kita tidak tahu bila pandemik akan berakhir dan bila ekonomi akan pulih sepenuhnya, mungkin ia mengambil masa agak la-

ma," katanya.

Kelmarin, *BH* melaporkan Annuar sebagai berkata, kira-kira 30,000 ketua isi rumah di ibu negara dengan pendapatan sekitar bawah RM2,200 berada di bawah garis kemiskinan, yang memerlukan bantuan sewajarnya.

Timbalan Dekan Siswazah, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Hizam Hanafiah, berkata kerajaan

perlu memperkasakan peluang pekerjaan dan keusahawanan dalam era Industri Revolusi 4.0 (IR4.0) bagi memastikan tahap kemiskinan bandar itu dapat dikurangkan.

Beliau berkata, kemiskinan di kawasan bandar raya ini, ditambah dengan situasi COVID-19 ketika ini adalah suatu realiti.

Katanya, kerajaan perlu memikirkan langkah lebih ke hadapan, terutama membabitkan sektor

perniagaan kurang terjejas dan berkait rapat dengan IR4.0 kerana dari situ peluang pekerjaan boleh ditingkatkan.

"Pada masa sama, peluang keusahawanan perlu diperluaskan lagi kerana pada saya kemiskinan itu bukan saja pada penduduk di bandar, tetapi di luar bandar juga berlaku.

"Apa yang penting, asas kepada keusahawanan iaitu infrastruktur internet perlu diperkuatkan bagi memudahkan orang ramai berusaha menjalankan apa juga bentuk perniagaan masing-masing," katanya.

Katanya, kunci untuk mempercepat pertumbuhan IR4.0 dan peluang pekerjaan dan keusahawanan ialah penyediaan infrastruktur fizikal seperti kelajuan internet yang terbaik.

Kesannya, semua perniagaan tidak kira di bandar atau kampung boleh diakses dan diurus-perdagangan dalam IR4.0.

"Kita perlu tukar ancaman COVID-19 menjadi peluang dengan pelbagai modul dan sebagainya yang diwujudkan," katanya.



Keratan akhbar *BH* semalam.

Fakta nombor	9.3 PERATUS kenaikan perbelanjaan penduduk bandar 2009-2014	RM3,921 BELANJA sebulan penduduk di bandar pada 2014	460 BARANG naik harga 27 peratus antara 2010 hingga 2017
---------------------	---	--	--

Kaji semula indeks kemiskinan

Kuala Lumpur: Seorang penganalisis ekonomi berpendapat indeks kemiskinan yang diguna pakai sekarang tidak lagi relevan dan perlu dinilai secara menyeluruh sebagai langkah penilaian semula kriteria miskin bandar.

Dr Ahmed Razman Abdul Latif berkata, garis kemiskinan tidak boleh ditentu berdasarkan faktor fizikal contohnya, isi pendapatan rumah sahaja seperti diguna pakai ketika ini.

Pensyarah kanan Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, ia perlu diperluaskan, terutama aspek sosial dengan menilai semula kos perbelanjaan serta lokasi yang memberi kesan terhadap kos sara hidup.

Katanya, mengikut kajian perbelanjaan isi rumah antara 2009 hingga 2014 yang dilakukan Jabatan Perangkaan menunjukkan perbelanjaan rakyat khususnya di bandar melebihi pendapatan mereka.

"Perbelanjaan rakyat di bandar meningkat secara purata 9.3

peratus setahun, iaitu daripada RM2,465 (2009) hingga RM3,921 sebulan (2014).

"Peningkatan harga 460 barang dan perkhidmatan 27 peratus antara 2010 hingga 2017, turut menyumbang kenaikan mendadak perbelanjaan sara diri penduduk di bandar.

Faktor fizikal

"Faktor fizikal seperti gaji, pemilikan rumah dan kenderaan tidak lagi menjadi penentuan tahap kemiskinan seseorang khususnya yang menetap di bandar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas cadangan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal menilai semula kriteria miskin bandar kerana komitmen serta kos sara hidup sudah berubah.

Johari dilaporkan berkata, ada dua kriteria miskin, iaitu yang boleh dinilai berdasarkan pendapatan isi rumah dan satu lagi faktor lain seperti be-

banan yang tidak boleh dinilai mengikut pendapatan isi rumah.

Contohnya, isi pendapatan rumah RM3,000 hingga RM4,000 jika menetap di luar bandar sudah cukup selesa, sebaliknya nilai yang sama bagi sesetengah golongan yang menetap di bandar masih tidak mencukupi.

Mengulas lanjut Razman berkata, sikap menabung perlu diambil kira sebagai contoh kriteria miskin bandar bagi memudahkan JKM dan Baitulmal menyalurkan bantuan.

Sebagai contoh, katanya, miskin bandar boleh dikategorikan mereka yang memiliki bebanan dan komitmen tinggi serta tiada lebihan pendapatan.

"Kajian lebih terperinci dan kerap perlu dilakukan bagi memudahkan usaha menangani kemiskinan dipertingkatkan. Kali terakhir kajian perbelanjaan dilakukan pada 2014 serta tidak menyeluruh.

Sementara itu, Pakar Sosial, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, setuju garis kemis-

kinan dinilai semula kerana kaedah yang digubal beberapa tahun lalu sudah tidak relevan berdasarkan perkembangan ekonomi semasa.

Justeru, katanya, cadangan supaya kriteria kemiskinan bandar dilihat amat wajar berdasarkan senario semasa kerana pendapatan bulanan tidak lagi relevan sebagai penentuan miskin relatif, miskin tegar dan sebagainya.

"Definisi kemiskinan perlu dilihat dari aspek fizikal dan sosial untuk meletakkan mereka sebagai miskin.

"Memiliki kenderaan, telefon bimbit perlu dilihat sebagai keperluan asas untuk kelangsungan hidup dan mencari rezeki, bukan justifikasi kesenangan individu.

"JKM dan Baitulmal perlu mengambil kira masyarakat yang tinggal di bandar berhadapan situasi miskin bandar secara mengejut apabila berlaku peningkatan kos sara hidup yang mendadak sejak kebangkitan ini," katanya.

Tajuk Apa beza tajuk berita dan tajuk rencana?

Fakta nombor **9.3 PERATUS** kenaikan perbelanjaan penduduk bandar 2009-2014

RM3,921 BELANJA sebulan penduduk di bandar pada 2014

460 BARANG naik harga 27 peratus antara 2010 hingga 2017

Kaji semula indeks kemiskinan

Kuala Lumpur: Seorang penganalisis ekonomi berpendapat indeks kemiskinan yang digunakan sekarang tidak lagi relevan dan perlu dinilai secara menyeluruh sebagai langkah penilaian semula kriteria miskin bandar.

Dr Ahmed Razman Abdul Latif berkata, garis kemiskinan tidak boleh ditentu berdasarkan faktor fizikal contohnya, isi pendapatan rumah sahaja seperti digunakan pakai ketika ini.

Pensyarah kanan Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, ia perlu diperluaskan, terutama aspek sosial dengan menilai semula kos perbelanjaan serta lokasi yang memberi kesan terhadap kos sara hidup.

Katanya, mengikut kajian perbelanjaan isi rumah antara 2009 hingga 2014 yang dilakukan Jabatan Perangkaan menunjukkan perbelanjaan rakyat khususnya di bandar melebihi pendapatan mereka.

"Perbelanjaan rakyat di bandar meningkat secara purata 9.3 peratus setahun, iaitu daripada RM2,465 (2009) hingga RM3,921 sebulan (2014).

"Peningkatan harga 460 barang dan perkhidmatan 27 peratus antara 2010 hingga 2017, turut menyumbang kenaikan mendadak perbelanjaan sara diri penduduk di bandar.

Faktor fizikal

"Faktor fizikal seperti gaji, pemilikan rumah dan kenderaan tidak lagi menjadi penentu tahap kemiskinan seseorang khususnya yang menetap di bandar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas cadangan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal menilai semula kriteria miskin bandar kerana komitmen serta kos sara hidup sudah berubah.

Johari dilaporkan berkata, ada dua kriteria miskin, iaitu yang boleh dinilai berdasarkan pendapatan isi rumah dan satu lagi faktor lain seperti be-

banan yang tidak boleh dinilai mengikut pendapatan isi rumah.

Contohnya, isi pendapatan rumah RM3,000 hingga RM4,000 jika menetap di luar bandar sudah cukup selesa, sebaliknya nilai yang sama bagi sesetengah golongan yang menetap di bandar masih tidak mencukupi.

Mengulas lanjut Razman berkata, sikap menabung perlu diambil kira sebagai contoh kriteria miskin bandar bagi memudahkan JKJ dan Baitulmal menyalurkan bantuan.

Sebagai contoh, katanya, miskin bandar boleh dikategorikan mereka yang memiliki bebanan dan komitmen tinggi serta tiada kelebihan pendapatan.

"Kajian lebih terperinci dan kerap perlu dilakukan bagi memudahkan usaha menangani kemiskinan dipertingkatkan.

Kali terakhir kajian perbelanjaan dilakukan pada 2014 serta tidak menyeluruh.

Sementara itu, Pakar Sosial, Prof Datuk Dr Mohammad Shahr Sabran, setuju garis kemisk-

Kemiskinan meningkat selagi pandemik

Kuala Lumpur: Jumlah ketua isi rumah yang berada di bawah paras kemiskinan di sekitar ibu kota ini, akan terus meningkat selagi pandemik COVID-19 tidak berakhir.

Presiden Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia, Prof Dr Laili Faim, berkata keluarga penduduk sedia ada dalam golongan B40, juga mungkin terjatuh dalam golongan miskin berikutan hilang pendapatan dan pekerjaan.

"Kenyataan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, bahawa 30,000 ketua isi rumah berada dalam kemiskinan itu membabitkan pengundi projek perumahan rakyat (PPR) memang benar kerana ia berdasarkan corak pekerjaan mereka.

"Justeru, golongan yang terjejas juga perlu memikirkan inisiatif untuk menambah pendapatan mereka, selain mengisytiharkan bantuan daripada kerajaan.

"Kita tidak tahu bila pandemik akan berakhir dan bila ekonomi akan pulih sepenuhnya, mungkin ia memerlukan masa agak lama," katanya.

Kelmarin, *BH* melaporkan Annuar sebagai berkata, kira-kira 30,000 ketua isi rumah di ibu negara dengan pendapatan sekitar bawah RM2,300 berada di bawah garis kemiskinan, yang memerlukan bantuan sewajarnya.

Timbalan Dekan Siswazah, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Haniffa Haniffah, berkata keriaan

perlu memperkasakan peluang pekerjaan dan kesukshawanan dalam era Industri Revolusi 4.0 (IR4.0) bagi memastikan tahap kemiskinan bandar itu dapat dikurangkan.

Beliau berkata, kemiskinan di kawasan bandar raya ini, ditambah dengan situasi COVID-19 ketika ini adalah suatu realiti.

Katanya, kerajaan perlu memikirkan langkah lebih ke hadapan, terutama membabitkan sektor

perniagaan kurang terjejas dan berkait rapat dengan IR4.0 kerana dari situ peluang pekerjaan boleh ditingkatkan.

"Pada masa sama, peluang kesukshawanan perlu diperluas lagi kerana pada saya kemiskinan itu bukan saja pada pendapatan di bandar, tetapi di luar bandar juga berlaku.

"Apa yang penting, asas kepada kesukshawanan iaitu infrastruktur internet perlu diperkembangkan bagi memudahkan orang ramai berusaha menjalankan apa jua bentuk perniagaan masing-masing," katanya.

Katanya, kunci untuk mempercepat pertumbuhan IR4.0 dan peluang pekerjaan dan kesukshawanan ialah penyediaan infrastruktur fizikal seperti kelengkapan internet yang terbaik.

Kesannya, semua perniagaan tidak kira di bandar atau kampung boleh diakses dan disrusperluaskan dalam IR4.0.

"Kita perlu tukar ancaman COVID-19 menjadi peluang dengan pelbagai model dan sebagainya yang diwujudkan," katanya.



Keratan akhbar BH semalam.

KERAJAAN AKAN KAJI SEMULA PARAS KEMISKINAN DI MALAYSIA

BANCI MALAYSIA 2020

Kerajaan akan menyemak semula kadar kemiskinan di Malaysia kerana paras garis kemiskinan sekarang satu RM980 sebulan bagi isi rumah yang ditetapkan mengikut metodologi tahun 2005 sudah tidak relevan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed pada sidang akhbar di Putrajaya semalam berkata, paras garis kemiskinan baharu itu yang dikira berdasarkan metodologi 2019 akan diumumkan dalam masa terdekat.

Mustapa berkata, Jabatan Perangkaan telah menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas bermula Januari hingga November 2019 bagi mendapatkan angka sebenar mengenai kemiskinan dalam negara.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebelum ini mendakwa kadar kemiskinan Malaysia sebanyak 0.4 peratus pada 2016 adalah tidak realistik kerana meletakkan penanda aras yang



- ➔ Berita lebih luas
- ➔ Artikel lebih berfokus
- ➔ Berita lebih formal
- ➔ Artikel lebih santai
- ➔ Berita agak membosankan
- ➔ Artikel lebih mengujakan

Dia tak sepatutnya gagal Bahasa Melayu - Cikgu Sofuan

ROSHLAWATY MD RAIEH Follow 31 May 2024 11:35am

Twitter Facebook

A- A A+

Home > Gaya Hidup > Bil Elektrik Melambung, 3 Tip Jimat Elektrik Anda Wajib Cuba

Bil Elektrik Melambung, 3 Tip Jimat Elektrik Anda Wajib Cuba

By Hani Azmy · June 6, 2024



Ad removed. Details

Tajuk



Tajuk ini sesuai untuk **BERITA** atau **RENCANA**?

Tajuk

Pusat Perhubungan Alumni UPM Komited dalam Pelaksanaan EKSA

Tajuk untuk BERITA

7 Fakta Kakitangan Pusat Perhubungan Alumni UPM Komited dalam Pelaksanaan EKSA, Urusan Kaunter Selesai dalam Masa 15 Minit!

Urusan Kaunter Selesai dalam Masa 15 Minit: Bukti Kakitangan Pusat Perhubungan Alumni UPM Komited dengan Pelaksanaan EKSA

Tajuk untuk RENCANA

Objektif Penulisan Berita

MELAPORKAN

- › tidak perlu ada emosi berlebihan
- › tidak perlu tarik minat pembaca seperti rencana
- › tiada sebarang kecenderungan
- › ringkas, padat, fakta kena tepat

Struktur Penulisan Berita

6 words rules

Ayat pertama atau intro berita perlu memberi makna dalam enam perkataan sahaja.

Contoh Penulisan Berita

Bengkel Majlis Alumni Universiti Awam di Universiti Malaysia Sabah



Serdang, 25 April - Hari ini merupakan hari pertama berlangsungnya Bengkel Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia yang mana Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah.

Pusat Perhubungan Alumni UPM yang mewakili Universiti Putra Malaysia (ARCUPM) turut menghadiri bengkel ini dan diketuai oleh Pengarah ARCUPM iaitu YBhg. Prof. Madya Dr. Aqlima Ahmad yang baharu sahaja dilantik sebagai Pengarah baharu ARCUPM pada 1 April 2024 yang lalu.

Bengkel yang berlangsung selama dua (2) hari bermula 25 hingga 26 April, membawa agenda dan perbincangan yang akan memberi manfaat dan memperkukuh serta memantapkan lagi peranan alumni Universiti Awam (UA).

Antara agenda yang akan diperhalusi dan dibincangkan antaranya, perbincangan mengikut kepada teras Malumni, Cadangan sumbangan alumni melalui kaedah pemotongan gaji, semakan garis panduan pengurusan alumni universiti awam dan juga penganjuran Majlis Alumni Universiti Awam yang bakal dilaksanakan pada tahun ini.

Bengkel yang turut dihadiri oleh 20 UA yang lain, dilihat sebagai satu platform terbaik untuk membincangkan agenda berkaitan alumni dan seterusnya dapat menghadirkan satu keputusan dalam kebersamaan untuk memajukan universiti awam di Malaysia.

ARCUPM selaku entiti yang menjadi badan penghubung antara alumni UPM dan alma mater akan sentiasa memberikan sokongan padu dalam segala agende pemerkasaan alumni UA.

Struktur Penulisan Berita

5 W 1 H

WHO - siapa (Bengkel Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia)

WHAT - apa (Pusat Perhubungan Alumni UPM turut hadir)

WHEN - bila (25 April - 26 April 2024)

WHERE - di mana (Universiti Malaysia Sabah UMS)

WHY - kenapa - (Membincangkan agenda sumbangan alumni melalui kaedah potongan gaji)

HOW - bagaimana (bengkel selama dua hari dihadiri oleh 20 universiti awam)

6 words rules

Bengkel Majlis Alumni Universiti Awam di Universiti Malaysia Sabah

Serdang, 25 April - Hari ini merupakan hari pertama berlangsungnya Bengkel Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia yang mana Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah.

- 1 Serdang, 25 April – Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah Bengkel Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia, hari ini.**
- 2 Serdang, 25 April – Bengkel Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia berlangsung hari ini dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah.**

KESIMPULAN

**satu
event / acara**

Rencana

Senarai Artikel
Pusat Perhubungan Alumni Universiti Putra Malaysia Komited dalam Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



Berita

1 7 Fakta Kakitangan Pusat Perhubungan Alumni UPM Komited dalam Pelaksanaan EKSA, Urusan Kaunter Selesai dalam Masa 15 Minit!

2 Urusan Kaunter Selesai dalam Masa 15 Minit: Bukti Kakitangan Pusat Perhubungan Alumni UPM Komited dengan Pelaksanaan EKSA

Pusat Perhubungan Alumni UPM Komited dalam Pelaksanaan EKSA



Ada soalan?

